

12 SEP 2003

Fokus-Muda

SEMANGAT "MERDEKA" TINGKATKAN PENCAPAIAN GOLONGAN MUDA

Oleh Rosyatimah Tukimin

KUALA LUMPUR: Hari Kebangsaan tahun ini disambut dengan penuh bermakna dan meninggalkan kenangan kepada ramai rakyat Malaysia yang kini mulai sedar erti kemerdekaan yang dicapai "tanah air" sejak 46 tahun lalu.

Sama ada disebabkan slogan "KeranaMu Malaysia" atau menyedari hakikat bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengundurkan diri tidak lama lagi, rakyat jelata, tidak kira umur dan bangsa, beramai-ramai merayakan Hari Kebangsaan baik sebagai penonton mahupun mengambil bahagian.

Usah dikira perayaan Hari Kebangsaan, rakyat jelata kini sudah celik mata dan sedar erti kemerdekaan melalui pembangunan dan perubahan yang dilihat di sekeliling mereka baik di bandar atau di desa.

Secara khusus, Hari Kebangsaan tahun ini, memberi kesan yang mendalam kepada sekumpulan profesional Melayu muda, hinggakan mereka mengambil kesempatan untuk menganjurkan satu malam istimewa pra-Merdeka bersama Dr Mahathir sebagai tanda terima kasih atas sumbangan besar Perdana Menteri kepada negara. Di bawah teraju pimpinan beliau, Malaysia berkembang daripada sebuah negara yang kurang dikenali kepada sebuah negara yang pesat membangun.

"Slogan Hari Kebangsaan ternyata membuatkan kami lebih sedar akan peranan dan matlamat kami," ujar Wan Azrain Wan Adnan, selaku pengerusi Sekretariat Melayu Muda (SMM), sebuah kumpulan tidak formal yang mempunyai matlamat untuk menggalakkan interaksi dan kerjasama yang lebih baik di antara golongan muda dengan para pemimpin negara selain mempertingkatkan kesedaran politik "ahli-ahli" kumpulan itu.

Majlis makan malam sempena Hari Kebangsaan yang diadakan pada 23 Ogos lalu merupakan salah satu usaha SMM untuk meniupkan semangat kesungguhan golongan muda mengenai kerjaya mereka, justeru secara tidak langsung menanam patriotisme yang kuat.

#### PUPUK KESEDARAN

"Golongan profesional muda tidak begitu tahu apa yang sebenarnya mereka inginkan," kata penganalisis perakaunan dan kewangan yang berusia 29 tahun itu, dan menambah bahawa dengan menghadiri majlis seumpama ini, rakan-rakannya dapat mendengar sendiri amanat bernas daripada Dr Mahathir, supaya mereka boleh berfikir secara serius sebelum melakukan sesuatu demi kepentingan orang lain, selain untuk diri sendiri.

Sambil menekankan bahawa pendedahan sedemikian sebagai pandangannya secara peribadi, Wan Azrain berpendapat bahawa generasi muda Malaysia perlu merubah mentaliti, terutamanya dalam aspek politik, bagi membolehkan mereka mempunyai hala tuju hidup yang lebih baik.

"Saya tidak bermaksud supaya mereka perlu melibatkan diri secara serius dalam politik, tetapi sekurang-kurangnya mereka harus tahu dan faham mengapa kerajaan mengambil sesuatu tindakan atau melaksanakan sesuatu polisi," jelasnya.

Wan Azrain berkata SMM, yang didukung golongan profesional Melayu di kalangan umur 35 tahun ke bawah, telah menganjurkan beberapa siri perjumpaan sejak awal tahun lepas untuk mengikuti perkembangan terkini isu-isu semasa. Program mereka termasuk sesi dialog bersama menteri serta para pemimpin.

Azrudin Badruddin dan Harrison Hassan, yang turut mempelopori SMM berkata aktiviti yang diatur telah meraih sambutan membanggakan sehinggakan SMM kini mampu menarik hampir 2,000 penyertaan yang giat mewujudkan

rangkaian yang aktif sesama mereka.

SMM seterusnya berhasrat untuk menyalurkan pengetahuan yang dimiliki kepada rakan seperjuangan mereka, tidak sahaja yang berkaitan politik dan perjuangan bangsa Melayu, malah bidang-bidang lain yang boleh memberi manfaat.

#### FORUM UNTUK ORANG MUDA

"Ramai ahli-ahli profesional muda enggan berbincang mengenai isu politik, misalnya, hanya disebabkan mereka tidak berminat dalam politik dan mereka menyifatkan bidang politik harus diserahkan kepada ahli-ahli politik atau mereka yang ingin mendapatkan sesuatu kedudukan. Memang tidak wajar membiarkan hal-hal politik begitu saja tanpa sebarang usaha untuk mengetahuinya," kata Azrudin.

Politik memang mempunyai kesan kepada golongan muda, tambah Azrudin, kerana ketidakstabilan politik secara tidak langsung akan menjejaskan kerjaya atau pekerjaan golongan muda rakyat Malaysia.

Sambil bersetuju dengan sentimen Wan Azrain mengenai keperluan golongan muda menyuarakan rasa tidak puas hati mereka menerusi saluran yang betul dan bukan dengan mengadakan demonstrasi atau piket, Azrudin berkata mereka telah membentuk kumpulan tidak formal untuk menyediakan satu forum untuk tujuan demikian.

Harrison, yang juga menyertai Pemuda Umno, berkata sesi dialog telah menyediakan ruang kepada golongan muda untuk menyuarakan dan menyelesaikan segala permasalahan.

"Menerusi program ini, kami berpeluang menyuarakan pendapat, pandangan, malah kritikan selain mendengar secara terus "versi yang betul" akan sebab-sebab mengapa kerajaan melaksanakan sesuatu polisi," katanya.

#### MENYAMBUNG PERJUANGAN

Antara peringatan yang kerap diajukan Dr Mahathir kepada golongan muda hari ini ialah betapa pentingnya mereka melengkapkan diri dengan pendidikan, pengetahuan, kepakaran, kesabaran dan nilai yang betul.

Dr Mahathir pernah berkata bahawa selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, banyak lagi perkara yang perlu dilakukan sesuai dengan puisi yang disampaikan beliau yang bertajuk "Perjuangan Yang Belum Selesai".

Dalam pada SMM bertekad untuk menyambung perjuangan bangsa Melayu, sekumpulan profesional muda yang lain, dikenali sebagai PROMUDA pula berharap dapat menganjurkan lebih banyak program pendidikan, bukan sahaja untuk ahli-ahli mereka malah untuk golongan yang lebih muda daripada ahli-ahli kumpulan itu.

Pengerusi PROMUDA Don Rahim berkata golongan muda berumur 35 tahun ke bawah membentuk lebih daripadaseperuh pekerja dewasa hari ini (statistik yang diperolehi oleh kumpulan ini hasil susunan statistik terkini oleh badan-badan kerajaan) namun tidak wujud satu organisasi bersama atau forum yang sesuai dengan golongan profesional muda.

Tidak seperti SMM yang melibatkan hanya bangsa Melayu, ahli-ahli PROMUDA terdiri daripada pelbagai bangsa yang mempunyai matlamat untuk melihat perubahan minda di kalangan rakyat Malaysia golongan muda.

#### GOLONGAN PROFESIONAL BERTARAF DUNIA

"Melalui aktiviti yang disusun, kami berharap dapat membentuk golongan profesional bertaraf dunia yang mempunyai kepakaran, bebas dari segi psikologi, mempunyai kepercayaan dan keyakinan diri, serta berdedikasi terhadap nilai-nilai utama," kata Don.

Bermula pada 1999 dengan hanya segelintir individu, PROMUDA telah berkembang kepada satu entiti yang mengandungi lebih kurang 5,000 ahli dan pelanggan yang menggiatkan rangkaian sesama mereka melalui e-mel.

Menerusi "Siri Kedutaan", PROMUDA, sebuah kumpulan berdaftar berharap dapat membina kepakaran kepimpinan dan kemahiran berdiplomasi di kalangan golongan profesional muda.

"Siri Kedutaan" menyediakan peluang kepada ahli-ahli untuk memupuk kesedaran antarabangsa melalui interaksi secara terus dan perantaraan yang membina dengan wakil-wakil penting daripada kedutaan yang mengambil bahagian,' jelas Don.

Program ini merupakan pelengkap kepada Siri Kuliah anjuran kumpulan ini yang mana antara tajuk yang disediakan termasuk Merealisasikan Wawasan 2020, Membentuk Bangsa dan Globalisasi. Antara penceramah untuk program ini pula ialah Perdana Menteri sendiri, menteri-menteri dan presiden atau pegawai eksekutif kanan (CEO) organisasi korporat.

Aktiviti penting lain ialah Persembahan dalam kunjungan Kerjaya dan ia juga bercadang, dalam masa terdekat, untuk melancarkan program bimbingan kerjaya di TV, di mana bakal penceramah terdiri daripada pelaksana industri dan kemungkinan pegawai-pegawai kerajaan.

"Salah satu perkara baik yang timbul daripada program ini ialah bukan sahaja orang lain dapat mempelajari sesuatu daripada kami, kami juga mempelajari sesuatu daripada mereka. Yang pasti, pendidikan penting dalam mengatasi segala masalah yang dihadapi hari ini dan masa depan," tambah Don.

Adakah negara akan berada dalam genggaman yang selamat apabila golongan profesional muda ini mengambil alih pucuk pimpinan? Biar pun SMM dan PROMUDA menegaskan yang mereka tidak ada kaitan dengan mana-mana kumpulan politik, namun mereka telah menetapkan matlamat yang lebih tinggi untuk mereka dan diharapkan untuk negara juga.

Seperti yang dirumuskan Wan Azrain, patriotisme tidak sekadar mempunyai kesanggupan untuk berkorban demi negara, malah sanggup melindungi persekitaran dan menjaga harta awam yang disediakan dengan baik.

--BERNAMA

RT KGO RT RR